



■ ARZIANA MOHMAD AZAMAN, FARHANA ABDUL MANAN, NURUL FIRDAUS KHAIRI, NORAFIZA JAAFAR, MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR, NURUL AINI MOHAMED ALI & NORAZIHAN MD GHAZALI

Bersesak dengan warga asing

MUKADIMAH



DENGAN kos RM1, pesakit boleh berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan. Tetapi 'harga' itu perlu dibayar dengan kesabaran yang tinggi, sedia terima risiko walaupun perlu menunggu lama.

Bayangkan ada pesakit yang terpaksa menunggu lebih tiga jam untuk mendapatkan rawatan. Ada yang



Kelihatan warga tempatan dan warga asing sedang menunggu giliran di bahagian rawatan kecemasan, HTAR.

terlontok di kerusi menunggu nombor giliran yang tak muncul-muncul.

Itulah situasi biasa yang berlaku di hospital kerajaan. Kesesakan yang berlaku di kebanyakan hospital kerajaan dikatakan sangat meruncing.



Nombor giliran sehingga angka lebih 6,000 setiap hari di hospital kerajaan.

Rata-rata orang awam, pesakit, Ahli Lembaga Pelawat (ALP) mahupun doktor mengutarakan masalah sama. Isu kesesakan berlaku bukan hanya disebabkan pertambahan penduduk bagi kawasan sekitar, tetapi hospital itu turut dikunjungi pesakit dari luar kawasan untuk mendapatkan rawatan.

Lambakan pesakit dilihat bukan sahaja melibatkan orang tempatan tetapi juga warga asing. Dibangkitkan juga isu kekurangan kemudahan, kelemahan sistem pengendalian pesakit dan kekurangan kakitangan sebagai penambah kepada masalah kesesakan sedia ada.

Apakah penyelesaian yang menyeluruh dibuat Kementerian Kesihatan dalam menangani isu ini? Rakyat yang inginkan keselesaan ketika mendapatkan rawatan, mahu setiap isu berkaitan diambil kira.

Beberapa pihak yang *Sinar Harian* temui turut menyalahkan Kementerian yang dianggap tidak respons atau tidak mengambil tindakan segera sehingga menyebabkan sesetengah hospital terpaksa berdikari untuk teruskan kelangsungan perkhidmatan.

Soalnya, mendepani era 2020...adakah isu kesesakan di hospital-hospital kerajaan akan terus berlaku?

FOKUS HARI INI meninjau isu sesak di Lembah Klang melibatkan Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, Hospital Kajang, Hospital Banting dan Hospital Tanjong Karang.

KLANG - Caj murah yang dikenakan hospital kerajaan menjadi antara faktor mendorong orang ramai serta warga asing mendapatkan rawatan.

Tinjauan di Rawatan Kecemasan, Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, mendapati bahagian itu sesak dengan orang ramai termasuk warga asing yang sedang menunggu giliran.

Berdasarkan maklumat daripada kakitangan hospital yang hanya mahu dikenali sebagai Santiago, hampir 40 peratus warga asing mendapatkan rawatan di hospital itu.

"Caj untuk warga asing di hospital kerajaan murah berbanding hospital swasta. Untuk pendaftaran hanya bayar RM65, tak termasuk kos rawatan contohnya jika ada

ujian darah, X-ray atau lain-lain.

"Pernah seorang warga asing bayar kos rawatan RM1,230 untuk sakit kencing manis sebab dia ditahan di wad.

"Nampak macam mahal, tapi kos itu jauh lebih murah jika dibandingkan dengan kos rawatan di hospital swasta," katanya kepada *Sinar Harian*.

Berikutan itu kata Santiago, bilangan pesakit warga asing yang ditahan di wad juga agak tinggi.

"Kebanyakan mereka ditahan sebab cedera kemalangan jalan raya atau di tempat kerja. Selebihnya kerana sakit seperti kencing manis, darah tinggi. Ada juga sebab denggi. Agak tinggi juga jumlah yang kena denggi," katanya.

HTAR sebelum ini mendapat rungutan kerana katil pesakit tidak mencukupi.

Menurut Santiago, kesesakan beransur pulih selepas pihak hospital membuat sistem pemilihan mengambil pesakit.

"Bermula Mac tahun ini, pesakit yang kritikal akan dihantar ke Hospital Sungai Buloh dan selebihnya ke Hospital Selayang bagi mengurangkan kesesakan.

"Langkah itu dilakukan selepas HTAR menjadi tumpuan ramai bukan sahaja dari penduduk di Klang, tetapi dari Shah Alam, Kuala Selangor, Banting dan Sabak Bernam," katanya.

Bagi pesakit luar, katanya, mereka boleh merujuk kes masing-masing di klinik kesihatan berdekatan kediaman mereka langkah mempercepatkan proses.

"Jika semua dirujuk di HTAR akan ambil masa yang lama dengan jumlah orang ramai yang tinggi setiap hari," katanya.



Terdapat kereta yang terpaksa diparkir secara berlapis di HTAR terutamanya ketika waktu melawat serta waktu puncak.



Ada pesakit yang terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan rawatan.